

Keterlibatan Pelajar B40 Menerima Sokongan Dan Bantuan Sedia Ada Di Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, UKM

The Involvement Of B40 Students Receives Existing Support And Assistance At The Faculty Of Social Sciences And Humanities, UKM

Nur Lailatul Qadrina Norfaizan
¹Khadijah Alavi

Program Kerja Sosial,
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding email: ¹khadijah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan merupakan antara fakulti tertinggi yang mempunyai bilangan pelajar daripada keluarga B40. Namun, penglibatan pelajar dalam menerima sokongan yang disediakan ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sokongan yang sedia ada kepada pelajar golongan B40 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan meneroka faktor untuk pelajar B40 menerima sokongan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpandukan pendekatan kajian kes. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakkan informan kurang mempunyai pengetahuan berkenaan dengan sokongan yang disediakan oleh pihak fakulti dan terdapat juga informan yang hanya bergantung sepenuhnya terhadap sokongan daripada pihak fakulti. Berdasarkan semua dapatan kajian ini, pengkaji telah mencadangkan untuk mewujudkan program penjanaan pendapatan kepada pelajar B40 untuk memastikan pelajar B40 lebih produktif supaya dapat menampung keperluan hidup di intitusi pengajian. Implikasi kajian ini juga difokuskan kepada latihan tubi keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar B40 FSSK sejak pendaftaran pelajar di FSSK, UKM.

Kata kunci: Kemiskinan, sokongan, bantuan, pelajar B40, FSSK

ABSTRACT

The Faculty of Social Sciences and Humanities is among the highest faculties, with a number of students from B40 families. However, the involvement of students in receiving the provided support has not yet reached a satisfactory level. The objective of this study is to assess the existing support for B40 students in the Faculty of Social Sciences and Humanities and explore the factors influencing B40 students' acceptance of the provided support in the Faculty of Social Sciences and Humanities. This study utilizes a qualitative design guided by a case study approach. The findings reveal that most informants have limited knowledge about the support provided by the faculty, with some relying solely on faculty support. Based on all the study findings, the researcher has suggested establishing income generation programs for B40 students to ensure their productivity in meeting the needs of living in the institution. The implications of this study also focus on social entrepreneurship training among B40 FSSK students since enrollment at FSSK, UKM.

Keywords: Poverty, support, assistance, B40 students, FSSK.

1. Pengenalan

Rakyat Malaysia dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu Kumpulan T20, Kumpulan M40 dan Kumpulan B40. Jumlah bagi kumpulan T20 yang berpendapatan melebihi RM 10,960 adalah seramai 1.46 juta isi rumah, manakala jumlah kumpulan M40 dengan pendapatan di antara RM4,850 hingga RM10,959 adalah seramai 2.91 juta isi rumah. Akhir sekali, kumpulan yang memperolehi pendapatan kurang daripada RM4,849 merupakan kumpulan B40 adalah seramai 2.91 juta isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia,2020). Menurut Nair dan Sagaran (2015), rakyat Malaysia secara amnya dikategorikan berdasarkan pendapatan isi rumah tahunan mereka. Salah satu bidang tumpuan kepada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ialah keluarga B40 ke arah status ‘negara berpendapatan tinggi’. Sungguhpun begitu, isu kemiskinan di negara ini masih menjadi tumpuan disebabkan jurang pendapatan yang tinggi dan dilihat tidak berubah di Malaysia menyebabkan perpecahbelahan masyarakat serta kestabilan ekonomi politik dan sosial tergugat boleh berlaku (Stiglitz, 2014). Usaha daripada pihak kerajaan untuk menangani masalah ini dengan mewujudkan pelbagai polisi dan program adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat bukan sahaja meli batkan golongan miskin tegar malah golongan B40 yang berpendapatan 40 peratus terendah di Malaysia juga turut terlibat. Golongan B40 ini dipercayai menerima kesan ekonomi susulan pandemik COVID-19 (Hassan et, al 2021). Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi memerangi wabak Covid -19 yang semakin menular di negara kita, situasi ini telah meninggalkan kesan terhadap semua golongan masyarakat terutamanya golongan B40.

Peningkatan kos sara hidup yang tidak kira di bandar maupun luar bandar menjadi isu hangat dalam kalangan masyarakat. Begitu juga bagi mahasiswa yang menuntut di institusi pengajian tinggi turut terkesan dengan peningkatan kos sara hidup dalam kawasan kampus sendiri (Norlaila et, al 2019). Walaupun mahasiswa tidak dibebani dengan seisi rumah berbanding dengan individu lain yang sudah berkeluarga dan mempunyai komitmen terhadap tanggungan keluarga, perlu diingatkan juga bahawa status sebagai pelajar menuntut agar mereka sentiasa komited dengan pembelajaran agar mencapai keputusan akademik seperti yang bukan sahaja mereka kehendaki, tetapi juga dikehendaki oleh penaja dan keluarga. Apa jua masalah yang datang tidak boleh dianggap sebagai penghalang jika mereka ingin berjaya dalam akademik (Norain et, al 2019). Namun begitu, apabila golongan pelajar ini berhadapan dengan isu kewangan dalam situasi kos hidup yang tinggi sebegini, maka di sini timbulah isu berkenaan pelajar tersebut mampu menangani tekanan ekonomi dalam menguruskan kehidupan sehari-hari semasa tempoh pengajian berlangsung.

Isu kewangan sememangnya boleh mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Masalah kewangan merupakan antara isu serius yang perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai peringkat masalah seperti isu kesihatan dan prestasi akademik pelajar (Norazlan et al., 2020). Menurut Dang dan Bulus (2015) pendidikan merupakan perkhidmatan sosial yang mempunyai kos perbelanjaan yang tinggi justeru, sokongan kewangan yang tidak mencukupi akan menjadi masalah kepada pelajar untuk meningkatkan diri dalam akademik sekali gus membawa kepada prestasi akademik yang lemah. Kajian Norazlan et al., 2020 mendapati terdapat perkaitan antara masalah kewangan dan prestasi akademik dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia dihuraikan berdasarkan bantuan kewangan yang lewat diterima, kekurangan sumber kewangan, pinjaman/biasiswa yang tidak mencukupi dan kekurangan pengurusan kewangan. Daripada dapatan kajian tersebut, sesetengah pelajar hanya bergantung kepada pinjaman pendidikan atau biasiswa. Keadaan ini akan menyebabkan perbelanjaan mereka akan terhad dan terpaksa berjimat cermat (Fairus, 2022).

Statistik menunjukkan lebih 460,000 orang pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terdiri daripada keluarga golongan B40, membabitkan 385,000 orang pelajar daripada Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 83,503 orang pelajar lagi daripada Institusi

Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) (Iskandar, 2023). Pelbagai inisiatif dan bantuan dalam usaha menjaga kebajikan serta kesejahteraan pelajar di negara Malaysia telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Antaranya adalah perlaksanaan program SULUNG yang merupakan pembiayaan penuh pengajian kepada pelajar yang merupakan generasi pertama dalam keluarga golongan B40 yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Pembiayaan ini juga turut mencakupi bantuan perbelanjaan kemasukan, kewangan dan pembangunan insaniah pelajar. Perlaksanaan inisiatif Food@Campus sejak 2021 juga masih dijalankan dengan adanya Menu Rahmah Siswa yang menawarkan menu makanan dengan penetapan harga makanan serendag RM 3.50 hingga RM 5.00. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2021), jumlah keseluruhan mahasiswa B40 adalah sangat tinggi di mana kira-kira 600,000 mahasiswa B40 sedang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada tahun 2021. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menerima pelajar daripada golongan B40. Pada tahun 2022, UKM telah menerima seramai 4,166 pelajar baharu bagi sesi akademik 2022/2023 bagi ketiga-tiga kampus yang terdiri daripada Kampus Bangi, Kampus Kuala Lumpur dan Cheras. Seramai 1,460 atau kira-kira 36 peratus adalah pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dan lima pelajar adalah orang kelainan upaya (OKU) yang merangkumi cacat pendengaran, cacat penglihatan dan cacat fizikal (Asmahanim, 2022). Pelajar-pelajar ini merupakan penuntut di pelbagai fakulti yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara fakulti yang memfokuskan kepada jumlah pelajar golongan B40 ialah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hal ini dikatakan demikian kerana lebih kurang 70 peratus daripada pelajar fakulti tersebut merupakan pelajar golongan B40.

Pihak fakulti berkenaan juga telah menyediakan pelbagai jenis bentuk sokongan kepada pelajar golongan B40 ini. Selain daripada sokongan berbentuk kewangan, sokongan dari segi sosial juga turut diberikan kepada pelajar golongan B40 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Sungguhpun begitu, Masalah yang sering dikaitkan dengan pelajar golongan B40 adalah penglibatan dalam menerima sokongan daripada pihak fakulti ini. Golongan ini didapati bukan sahaja kurang cakna terhadap sokongan yang telah disediakan malah terdapat segelintir daripada mereka kurang pengetahuan tentang urusan menerima bantuan yang disediakan di institusi pengajian. Hal ini dapat dikenalpasti apabila terdapat banyak lebih bantuan yang tidak diterima sedangkan jumlah bantuan yang diperuntukkan adalah mengikut senarai jumlah pelajar golongan B40 yang sedia ada. Penglibatan pelajar yang terdiri daripada golongan B40 ini masih menunjukkan pencapaian yang kurang memuaskan juga disebabkan oleh terdapat segelintir pelajar yang bersifat sambil lewa untuk tidak mengambil peluang untuk menerima bantuan yang ditawarkan kepada mereka. Peluang yang diberikan kepada golongan ini masih dilepaskan begitu sahaja.

Rentetan daripada isu yang berlaku, hal ini menyebabkan kajian ini perlu dijalankan untuk mengkaji faktor kurangnya penglibatan pelajar golongan B40 dalam menerima sokongan yang sedia ada serta memberi pendedahan kepada pelajar B40 bekenaan sokongan tersebut secara lebih meluas. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk memberi cadangan program penjanaan pendapatan pelajar bagi meningkatkan produktiviti pelajar golongan B40. Senario

masalah kewangan yang berlaku sepanjang pengajian boleh menjadi satu pengalaman pahit dalam kehidupan pelajar miskin yang mungkin menyebabkan mereka akan berusaha untuk mengubah kehidupan mereka pada masa hadapan. Keadaan ini boleh menjadi faktor kepada minat untuk menjadi usahawan (Fairus,2022). Menurut Lee dan Rodríguez-Pose (2021), keusahawanan sering dilihat sebagai penyelesaian terbaik untuk mengurangkan kemiskinan. Program ini merupakan inisiatif yang berkesan dalam menggalakkan pelajar untuk menjana pendapatan disamping dapat menampung kos sara hidup sepanjang melanjutkan pengajian di universiti. Dalam kata erti lain, program ini juga dapat memastikan pelajar golongan B40 tidak bergantung 100 peratus kepada sokongan dan bantuan yang diberikan sahaja, malah mereka juga turut berusaha mendapatkan wang hasil daripada penyertaan program penjanaan pendapatan tersebut. Kajian oleh Saufi et al. (2021) juga mencadangkan supaya asnaf dilibatkan dalam keusahawanan untuk mengubah keadaan hidup. Selain itu, usahawan boleh membantu orang lain melalui penciptaan pekerjaan, pendapatan yang lebih tinggi, justeru mereka boleh membantu ahli keluarga mereka yang tiada pekerjaan untuk mencari pekerjaan. Namun begitu bukan semua pelajar minat kepada bidang keusahawanan ini walaupun banyak contoh kejayaan dilaporkan di media sosial.

Oleh hal yang sedemikian, kajian ini dijalankan untuk meneroka keterlibatan pelajar golongan B40 dalam menerima bantuan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. Pelajar golongan B40 merujuk kepada individu yang terdiri daripada keluarga Kumpulan B40 yang berpendapatan kurang daripada RM 4,849 seisi rumah. Kategori ini merupakan Bottom 40 peratus atau mewakili 40 peratus pendapatan isi rumah terendah di negara Malaysia. Kebiasanya, pelbagai bentuk bantuan telah disediakan oleh kerajaan kepada golongan ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Memandangkan golongan B40 ini sememangnya memerlukan sokongan, terdapat pelbagai program bantuan dan insentif telah ditawarkan untuk membantu golongan ini.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Demografi Pelajar

Menurut Pressat (1985), demografi adalah kajian tentang populasi manusia dalam hubungannya dengan perubahan yang terjadi akibat kelahiran, kematian, dan migrasi. Demografi adalah penyelidikan terhadap populasi manusia, terutama terhadap jumlah, struktur, dan perkembangannya (PBB, 1958). Menurut Donald J.Bogue (1973) pula mengatakan bahawa demografi adalah ilmu yang dipelajari secara statistik dan matematik tentang perluasan, komposisi dan distribusi penduduk dan perubahan-perubahannya sepanjang masa melalui lima komponen demografi iaitu kelahiran, kematian, perkawinan, migrasi dan mobiliti sosial. Demografi pelajar yang berbeza akan menghasilkan dapatan yang pelbagai untuk dikaji. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Cigdem dan Yildirim (2014) berkenaan kesan latar belakang pelajar teknikal dan vokasional terhadap kesediaan pembelajaran secara elektronik ke atas 725 orang pelajar kolej vokasional yang mempunyai pelbagai bidang, didapati hasil kajian terdapat beberapa perkara berkaitan dengan latar belakang pelajar atau demografi pelajar mempunyai kaitan yang sangat signifikan terhadap kesediaan pembelajaran secara elektronik. Antara latar belakang yang digunakan dalam kajian tersebut adalah seperti umur, latar belakang pengajian dan pendapatan isi rumah. Kajian lain pula seperti yang dikaji oleh Md. Aminul, Noor Azliza, Tan dan Hasina (2011) ke atas 80 orang pelajar IPT berkaitan kesan faktor demografi terhadap keberkesanan e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi di Malaysia didapati faktor demografi seperti taraf pendidikan dan jantina adalah faktor utama dalam memahami dan menghayati pembelajaran.

2.2 *Sokongan Kepada Golongan B40*

Dalam kajian lepas, pihak kerajaan telah menyediakan berbagai jenis sokongan kepada golongan B40. Antara sokongan yang diberikan oleh pihak kerajaan adalah dalam bentuk bantuan kewangan. Tujuan utama bantuan kewangan adalah untuk meringankan beban buat sementara waktu individu serta keluarga dan menggalakkan kumpulan sasar yang masih produktif supaya kembali bekerja dan mampu berdikari (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Selain itu, sokongan dan bantuan dari keluarga dan masyarakat sekeliling juga merupakan salah satu faktor kekuatan kepada golongan B40 terutamanya untuk pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah di Malaysia ini dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sokongan sosial merujuk kepada fungsi dan kualiti hubungan sosial seperti ketersediaan bantuan atau sokongan yang diterima melalui satu proses interaktif (Schwarzer & Leppin, 1991). Sokongan sosial juga telah dikenalpasti dapat membantu isteri yang mengetuai keluarga untuk berdaya tindak dengan masalah kewangan, emosional dan sosial (Chanda & Pujar, 2018).

2.3 *Penglibatan Pelajar*

Berdasarkan kajian lepas, Russell et al. (2005) menyatakan penglibatan ialah satu tenaga dalam tindakan, iaitu sesuatu yang menghubungkan seseorang dengan aktiviti. Penglibatan yang dinyatakan ini adalah terdiri daripada tiga bentuk, iaitu tingkah laku, emosi dan kognitif. Menurut Kuh (1992), penglibatan adalah proses sosialisasi pemahaman dan pembelajaran tentang cabaran, tuntutan, keperluan, faedah dan ganjaran di persekitaran pelajar. Penglibatan juga ditakrifkan kepada dua dimensi iaitu afektif dan tingkah laku (Leithwood dan Jantzi, 1999). Penglibatan pelajar dari sudut emosi, tingkah laku dan kognitif. Penglibatan pelajar dari segi emosi iaitu sama ada pelajar menunjukkan reaksi positif atau negatif terhadap persekitaran (Fredericks, et al. 2004). Chapman (2003) pula menggambarkan penglibatan pelajar sebagai kesediaan pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin di sekolah, sama ada penglibatan secara kognitif, tingkah laku dan petunjuk berkesan penglibatan pelajar dalam tugas pembelajaran tertentu. Penglibatan pelajar menurut Yazzie-Mintz (2007) boleh dilihat dari tiga aspek iaitu kognitif, intelektual atau kognitif. Faktor-faktor yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar terhadap suatu aktiviti ialah berdasarkan tahap imej kendiri, sokongan daripada rakan-rakan dan sokongan daripada ibu bapa (Clare 2009).

2.4 *Program Penjanaan Pendapatan*

Berdasarkan hasil kajian lepas yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) melalui Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, ia menunjukkan ramai yang terkesan akibat daripada krisis kesihatan yang melanda dunia ketika ini iaitu pandemik COVID19. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan penurunan perbelanjaan yang ketara berlaku bagi kumpulan T20 sebanyak 59 peratus, diikuti oleh kumpulan M40 sebanyak 48 peratus dan kumpulan B40 sebanyak 41 peratus. Rata-rata menunjukkan ramai golongan B40 atau belia yang terjejas teruk dari sudut sosio-ekonomi. Hal ini mendorong program penjanaan pendapatan untuk dilaksanakan bagi mengatasi isu yang berlaku disebabkan oleh kemerosotan yang berlaku dalam sosio-ekonomi masyarakat. Sebagai contoh, salah satu program penjanaan pendapatan yang dilaksanakan ialah Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana) 2023 bagi membimbing wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan. Program ini dijalankan bertujuan memantapkan lagi pengetahuan golongan itu menerusi latihan sistematik dalam memulakan perniagaan khususnya perniagaan dalam talian, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan mereka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2023).

3. Metodologi

3.1 *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpandukan pendekatan kajian kes. Kajian kes ini ialah penyelidikan terhadap individu, kumpulan atau peristiwa secara mendalam. Menurut Mohd Majid (2005), kelebihan utama penggunaan kajian kes ialah dapat mendalam tentang maklumat sesuatu kes. Majoriti para pengkaji yang menggunakan kaedah ini berpendapat bahawa, kajian kes dipilih berdasarkan pandangan bahawa hanya melalui kajian kes sahaja pemahaman dan penerangan mengenai satu proses atau fenomena yang berlaku itu contohnya perubahan sistem dan amalan perakaunan pengurusan dapat dilakukan dengan terperinci dan menyeluruh (Namazi, 2013). Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif (Kamarul, 2012). Data kualitatif ialah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data yang banyak dan berkualiti dapat diperoleh dan seterusnya membuka peluang untuk pengkaji meneroka sesuatu yang kompleks dan melibatkan cara yang berbeza untuk menghadapi dunia sosial.

Dalam kajian kes ini, aspek kehidupan dan latar belakang subjek akan dianalisis secara menyeluruh untuk mengkaji corak dan punca bagi tingkah laku. Pendekatan kajian kes ini digunakan adalah untuk mengkaji profil demografi informan. Setiap informan perlu menjelaskan profil mereka semasa sesi temu bual dijalankan. Kaedah temu bual juga dikenali sebagai wawancara ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan penjelasan dan keterangan melalui lisan secara bersemuka. Temu bual sangat praktikal digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada populasi yang kecil (Mohd Majid, 2005). Kaedah temu bual ini melibatkan interaksi sosial antara dua pihak iaitu pengkaji dan informen berkenaan dengan permasalahan kajian secara mendalam. Kaedah temu bual secara mendalam yang bersifat luas, terbuka, tidak terstruktur atau separuh struktur, dan tidak semestinya bersifat tetap digunakan untuk mendapatkan data yang tepat. Tujuan utama temubual mendalam adalah untuk memahami pandangan subjek pengkajian tentang kehidupan, pengalaman, atau situasi subjek pengkajian, sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri.

3.2 *Lokasi Kajian*

Lokasi kajian yang dipilih ialah Fakulti Sains Sosial UKM Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia ini terletak di daerah Hulu Langat, Selangor. Kawasan yang terlibat bagi kajian tentang penglibatan pelajar B40 menerima sokongan yang disediakan ini ialah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Lokasi kajian ini dipilih kerana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan ini merupakan antara fakulti yang mempunyai bilangan pelajar B40 tertinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia.

3.3 *Persampelan Kajian*

Pemilihan persampelan kajian adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sampel kajian yang digunakan dalam anggaran sebanyak 7 hingga 10 orang pelajar B40 dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan tidak melebihi RM 4,849 sebulan sehingga mencapai data tepu. Pemilihan sampel juga perlu menepati ciri-ciri populasi kajian supaya kajian ini dapat digeneralisasikan. Justeru itu, pengkaji menentapkan bahawa sampel kajian perlulah merupakan pelajar B40.

3.4 *Tatacara Pengumpulan Data*

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual dan data yang diperoleh adalah

berdasarkan sebelum kajian, semasa kajian dan selepas kajian. Sebelum pengumpulan data dilakukan, kertas cadangan berkenaan dengan permasalahan kajian yang hendak dikaji disediakan. Penilai akan menilai kertas cadangan tersebut bagi memastikan permasalahan yang hendak dikaji itu adalah bersifat relevan. Setelah penilai meluluskan kertas cadangan kajian tersebut, kebenaran untuk menjalankan kajian daripada pihak penyelia, fakulti dan beberapa pihak yang terlibat dalam kajian yang dijalankan perlu didapatkan terlebih dahulu. Seterusnya, satu kajian rintis telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memperoleh pengalaman atau memberi gambaran sebagai persediaan awal semasa kajian dilakukan. Kajian awal yang dirujuk sebagai kajian rintis atau ‘pilot study’ ini didefinisikan sebagai kajian secara kecil-kecilan yang dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan (Chua, 2011). Penambahbaikan soalan yang akan diajukan kepada informan semasa sesi temu bual juga akan dilakukan sekiranya terdapat kekurangan terhadap soalan yang telah dirangka sebelumnya.

Semasa kajian dijalankan, pengumpulan data yang sebenar berlaku di mana sesi temu bual secara mendalam akan dilakukan. Pengkaji perlu menjelaskan protokol temu bual kepada informan sebelum memulakan proses temu bual. Protokol temu bual merupakan senarai soalan dan panduan perbualan berbentuk kerangka perancangan atau senarai semak soalan yang ditulis terlebih dahulu sebelum penemu bual (*interviewer*) iaitu pengkaji turun ke lapangan (Seidman 2019; Yin 2017) Empat set bahagian soalan dikemukakan kepada informen semasa sesi temu bual berlangsung. Empat set soalan tersebut terdiri daripada Bahagian A yang mengandungi soalan tentang profil demografi responden. Seterusnya Bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan sokongan yang disediakan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan kepada pelajar golongan B40. Bahagian C pula mengandungi soalan berkenaan dengan penglibatan pelajar B40 menerima sokongan dan bantuan yang disediakan oleh pihak fakulti manakala Bahagian D terdiri daripada soalan mengenai keberkesanan program penjanaan pendapatan pelajar bagi meningkatkan produktiviti pelajar golongan B40. Proses temu bual ini akan dijalankan di lokasi kajian yang bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kumanusiaan, UKM.

Selepas data diperoleh daripada sesi temu bual yang dijalankan, transkrip data telah dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, transkrip lebih mudah digunakan berbanding pita rakaman. Transkrip data ini juga dapat membantu untuk membuat penilaian dengan lebih baik kerana kebanyakan penyelidik lebih memilih untuk membaca daripada mendengar pita rakaman yang mengandungi maklumat daripada informen. Kemudian, data yang diperoleh akan diinterpretasikan. Interpretasi data ini dapat membantu pengkaji mengkategorikan, memanipulasikan serta meringkaskan data tersebut. Menurut Al-Fajri Bahri (2022), Interpretasi data adalah kaedah pentafsiran data yang dijalankan bertujuan mencari hasil daripada sebuah proses penilitian. Teknik interpretasi data ini juga turut membantu pengkaji untuk memahami dan mengetahui permasalahan kajian melalui data yang diperoleh secara mendalam sekali gus dapat membantu pengkaji menganalisis data.

3.5 *Analisis Data*

Kajian ini menggunakan analisis data secara tematik. Analisis tematik merupakan salah satu kaedah analisis data kualitatif yang sering digunakan oleh pengkaji (Yosep et.al 2020). Kaedah ini secara luas telah digunakan di dalam pelbagai bidang kajian, antara salah satunya adalah Pendidikan. Analisis tematik ini juga digunakan untuk memberi makna pada tema atau pola terhadap data yang akan dianalisis. Dalam analisis tematik ini terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan. Antaranya, pengkaji perlu menyeraikan corak data yang diperoleh untuk mengenalpasti corak data tersebut. Data tersebut akan dikategorikan mengikut tema. Tema yang dipilih akan disokong menggunakan literatur yang berkaitan.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Maklumat Demografi

Maklumat demografi informan seramai 3 orang mahasiswa B40 yang sedang melanjutkan pengajian di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM merupakan dapatan awal kajian yang diperoleh untuk dianalisis. Kesemua informan yang telah ditemubual adalah menepati objektif kajian iaitu dengan memfokuskan kepada data kajian mahasiswa B40 daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Maklumat demografi yang merangkumi umur, tahun pengajian, program pengajian, bilangan adik-beradik dan anggaran pendapatan bulanan keluarga telah disoal selidik semasa sesi temu bual dijalankan. Kajian ini juga masih dalam proses pengumpulan data dan dapatan kajian awalan ini memberi gambaran tentang objektif kajian yang sedang dijalankan. Berdasarkan Jadual 1 dapat dilihat bahawa 3 orang informan terdiri daripada 2 orang pelajar perempuan dan 1 orang pelajar lelaki.


JADUAL 1: Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur	Tahun Pengajian	Program	Bilangan Adik-Beradik	Anggaran Pendapatan Bulan (RM)
1	Perempuan	24	3	Kerja Sosial	3	1,500
2	Lelaki	23	3	Geografi	5	2,500-3,000
3	Perempuan	25	2	Sejarah	4	1,000-2000

Informan 1 merupakan seorang pelajar yang berusia 24 tahun. Beliau merupakan pelajar Tahun 3 bagi Program Kerja Sosial. Bilangan adik-beradik beliau adalah seramai 3 orang adik-beradik. Anggaran pendapatan seisi rumah keluarganya pula adalah sebanyak RM 1,500 sebulan. Informan 2 merupakan pelajar yang berusia 23 tahun. Beliau merupakan pelajar Tahun 3 bagi program Geografi. Beliau mempunyai 5 orang adik-beradik dan anggaran pendapatan seisi keluarga adalah sebanyak RM 2,500 hingga RM 3,000 sebulan. Bagi Informan 3 pula, beliau berusia 25 tahun dan merupakan pelajar Tahun 2 bagi program Sejarah. Beliau mempunyai 4 orang adik-beradik dan berpendapatan seisi rumah dalam anggaran RM1,000 – RM 2,000 sebulan.

4.2 Makna Sokongan Berdasarkan Informan

Semasa sesi temu bual dijalankan, soalan berkenaan dengan definisi sokongan dan pengetahuan terhadap sokongan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah diajukan kepada informan. Tujuan soalan tersebut disoal adalah untuk menguji sejauh mana kefahaman informan terhadap definisi sokongan dan pengetahuan mereka berkenaan dengan sokongan yang terdapat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Rajah 1 menunjukkan hasil dapatan kajian berkenaan dengan makna sokongan berdasarkan informan.



RAJAH 1: Makna Sokongan Berdasarkan Informan

4.2.1 *Fahaman terhadap definisi sokongan*

Kebanyakkannya definisi sokongan ini ditakrifkan sebagai bantuan. Sokongan ini juga terdiri daripada pelbagai jenis bentuk sokongan seperti sokongan berbentuk fizikal, sokongan sosial, sokongan emosi dan lain-lain lagi. Berdasarkan sesi temu bual yang dijalankan, Informan 1 berpendapat bahawa sokongan ini sebagai salah satu perangsang yang menjadi pemangkin kepada kemanjadian sesuatu perkara dalam diri kita. Beliau juga menyatakan sokongan ini terdiri daripada perlbagai aspek.

“Apa yang saya faham, sokongan ni macam salah satu term yang boleh jadi perangsang atau semangat untuk bantu boost diri kita dalam kehidupan harian. Sokongan ni juga boleh dibahagikan kepada pelbagai aspek lagi contohnya dari segi emosi, tingkah laku, percakapan seseorang kepada kita.” (Informan 1)

Seterusnya, menurut Informan 2 pula, sokongan ini boleh diberi kepada seseorang yang memerlukannya dan diterima apabila seseorang memerlukan. Beliau juga turut menyatakan bahawa sokongan ini terdapat dalam perlbagai bentuk.

“... sokongan ini merupakan satu bentuk bantuan yang kita boleh gunakan ataupun digunakan untuk membantu orang lain atau menerima bantuan daripada orang lain. Sokongan ini juga terdapat perlbagai bentuk seperti sokongan fizikal, sokongan sosial, sokongan emosi. Itulah yang saya faham.” (Informan 2).

Bagi Informan 3, beliau memahami bahawa sokongan ini terdiri daripada sokongan fizikal dan sokongan sosial.

“Bagi saya sokongan ini terdiri daripada sokongan sosial seperti perkhidmatan-perkhidmatan dan sokongan fizikal yang berbentuk seperti bantuan makanan, bantuan tenaga kerja.” (Informan 3)

Hasil daripada dapatan kajian, didapati bahawa terdapat persamaan dalam pemahaman setiap informan berkenaan dengan definisi sokongan. Ketiga-tiga informan di atas menunjukkan

bahawa sokongan ini terdiri daripada pelbagai bentuk. Antara bentuk sokongan tersebut adalah sokongan berbentuk fizikal seperti bantuan kewangan, bantuan makanan dan lain-lain lagi. Selain itu, sokongan sosial juga merupakan salah satu bentuk sokongan yang ada. Menurut Shyahirah (2020), sokongan sosial merujuk kepada pelbagai material dan emosi yang diterima daripada orang lain. Menurut Azlina et al. (2020) pula, menyatakan bahawa sokongan sosial ini merujuk kepada dua kekuatan iaitu dari segi fizikal dan psikologi untuk membantu seseorang mengatasi tekanan. Oleh hal yang demikian, sokongan sosial ialah suatu perhubungan yang melibatkan diri dengan insan yang lain dalam menghadapi sesuatu permasalahan atau tekanan (Fatihah, 2022).

4.2.2 *Pengetahuan terhadap sokongan yang disediakan di fakulti*

Pengetahuan pelajar terhadap sokongan yang disediakan di fakulti memainkan peranan untuk mendorong mereka terlibat dalam menerima sokongan tersebut. Sekiranya mereka kurang mengetahui berkenaan sokongan yang sedia ada, hal ini menyebabkan mereka keciciran untuk menerima sokongan ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat informan yang mengetahui berkenaan sokongan yang disediakan di fakulti dan ada yang tidak mengetahuinya. Informan 1 menyatakan bahawa beliau tidak tahu berkenaan dengan sokongan yang disediakan di fakulti. Informan 2 menyatakan bahawa beliau tidak tahu secara mendalam berkenaan dengan sokongan yang disediakan di fakulti tetapi beliau yakin bahawa pihak fakulti sememangnya ada menyediakan sokongan kepada pelajar B40. Menurut Informan 2, salah satu bentuk sokongan yang diketahuinya adalah berkenaan dengan perkhidmatan kaunseling.

“Untuk perkara ini saya tidak tahu sangat. Setahu saya pihak FSSK ini mungkin ada menyediakkannya. Apa yang saya tahu, salah satu bentuk sokongan yang disediakan di fakulti ini adalah perkhidmatan kaunseling. Setahu saya, pelajar boleh mendapatkan sokongan kaunseling ini secara percuma sekiranya mempunyai masalah seperti masalah yang berkaitan pelajaran dan sebagainya. Dari segi kewangan pula, pihak fakulti mungkin menyediakan bantuan seperti skim pinjaman atau biasiswa.” (Informan 2)

Berbeza dengan Informan 3, beliau pula menyatakan bahawa beliau tahu berkenaan dengan sokongan yang disediakan di fakulti dan pernah mendapatkannya.

“... yang saya tahu, sokongan yang ada di FSSK dari segi perkhidmatan contohnya seperti bantuan bas untuk pulang ke kampung pada hari raya. Dari segi kewangan juga turut diberikan kepada pelajar. Ada juga bantuan makanan kepada pelajar terutama waktu bulan puasa pihak fakulti menyediakan juadah berbuka secara percuma kepada pelajar.”

“Saya dapat tahu berkenaan sokongan ini melalui group ‘Whatsapps’ dan telegram FSSK.” (Informan 3)

Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mengetahui dengan jelas dan secara menyeluruh berkenaan dengan sokongan yang sedia ada di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hal ini bukan sahaja menyebabkan pelajar tercicir dalam menerima bantuan yang disediakan namun juga menyebabkan pelajar berpendapat bahawa fakulti ini tidak cakna terhadap keperluan pelajar B40 sedangkan sokongan kepada pelajar B40 ini telah disediakan.

4.3 Penglibatan Pelajar Menerima Sokongan daripada Fakulti

Penglibatan pelajar dalam menerima sokongan daripada fakulti telah dikenalpasti semasa temubual secara mendalam dijalankan. Tujuannya adalah untuk meneroka aspek yang menjadi punca terhadap kurangnya penglibatan pelajar dalam menerima sokongan yang disediakan di fakulti. Informan 1 menyatakan bahawa beliau tidak terlibat dalam menerima sokongan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas faktor tidak diberitahu tentang maklumat berkaitan dengan sokongan tersebut. Oleh itu, beliau mendapatkan sokongan lain seperti bantuan kewangan Zakat UKM dan Program Siswa Sulung 2.0 untuk menampung kehidupan di universiti.

“... saya tidak diberitahu tentang maklumat berkaitan daripada pihak yang terlibat”
“... saya dapat sokongan lain seperti sokongan dari segi bantuan kewangan melalui Zakat UKM dan Program Siswa Sulung 2.0.” (Informan 1)

Bagi Informan 2, beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak terlibat dalam menerima sokongan yang disediakan di fakulti. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau masih belum memerlukan sebarang sokongan daripada pihak fakulti kerana sekiranya beliau mengalami masalah dari segi kewangan dan sebagainya, masalah tersebut boleh ditangani dengan sendirinya. Beliau juga memberitahu bahawa beliau turut membuat kerja sambilan untuk mendapatkan wang simpanan bagi menampung kos perbelanjaan sepanjang pengajian.

“Buat masa ini saya tidak terlibat dalam menerima sokongan yang disediakan tapi mungkin boleh jadi di masa akan datang saya akan memerlukan sokongan yang fakulti sediakan.”

“Saya tidak menerima sokongan yang disediakan di fakulti ini kerana mungkin saya tidak mempunyai sebarang masalah buat masa ini. Sekiranya ada masalah pun mungkin ianya Cuma masalah kecil dan dapat diselesaikan dengan sendiri.”

“... seperti yang kita tahu pelajar B40 mempunyai kekurangan berbanding pelajar-pelajar lain dari golongan M40, T20 dan sebagainya. Kekurangan itu tidak semestinya dari segi kewangan. Walaupun say mempunyai kekurangan dari segi kewangan saya masih mampu untuk membuat pekerjaan part-time seperti Food Panda dan sebagainya dan saya rasa sangat enjoy dengan pekerjaan saya. Saya juga rasa saya boleh berdikari dan itulah yang saya buat selama ini untuk menampung kehidupan di universiti.” (Informan 2)

Bagi Informan 3 pula, beliau terlibat dalam menerima sokongan yang disediakan di fakulti. Menurutnya, sokongan yang diterima sangat membantu dari segi kewangan sebagai contoh bantuan bas untuk pulang ke kampung pada hari raya dapat menjimatkan wang pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada musim cuti perayaan tiket bas untuk pulang ke kampung kebiasaanya akan habis awal. Jadi pelajar terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk kos tiket pengangkutan awam yang lain seperti kereta api dan kapal terbang. Kos tiket pengangkutan awam yang dinyatakan tadi sememangnya harganya lebih tinggi berbanding tiket bas. Dengan adanya penyediaan bas pulang ke kampung secara percuma daripada pihak fakulti ini dapat

meringankan beban pelajar dan memudahkan urusan mereka untuk pulang ke kampung berhari raya bersama keluarga.

“Sokongan ini sememangnya membantu dari segi kewangan. Sebagai contoh bantuan untuk pulang ke kampung di hari raya. Apabila musim raya tiket bas selalu habis awal. Jadi, bila fakulti sediakan bas pulang ke kampung, pelajar tidak perlu mengeluarkan duit yang banyak untuk pulang ke kampung dengan menaiki pengangkutan awam lain yang kosnya adalah lebih tinggi berbanding bas.” (Informan 3)

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan terhadap sokongan yang disediakan mendorong mereka untuk mendapatkan sokongan lain selain daripada sokongan yang sedia ada di fakulti. Terdapat juga pelajar yang bekerja separuh masa untuk mendapatkan wang bagi membiayai kehidupannya sepanjang tempoh pengajian di universiti. Bagi pelajar yang mengetahui berkenaan dengan sokongan yang disediakan, didapati bahawa pengetahuannya terhadap sokongan-sokongan yang disediakan ini masih berada pada paras yang rendah atau lebih jelas lagi pengetahuan mereka masih cetek berkenaan dengan sokongan yang disediakan di fakulti ini.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sokongan yang sedia ada kepada pelajar golongan B40 dan meneroka faktor untuk pelajar B40 menerima sokongan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Fokus kajian ini adalah kepada pelajar B40 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Sampel kajian yang digunakan adalah terdiri daripada 2 orang pelajar perempuan dan 1 orang pelajar lelaki daripada keluarga golongan B40 yang berpendapatan RM 4,849 sebulan. Proses pengumpulan data masih dijalankan bagi kajian ini dan dapatan awal kajian digunakan untuk dijadikan sebagai gambaran terhadap kajian yang dijalankan. Hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan, makna sokongan berdasarkan informan telah dikaji bertujuan untuk mendalami dan mengenalpasti sejauh mana pemahaman pelajar terhadap takrifan sokongan. Informan-informan yang ditemubual menunjukkan bahawa mereka mempunyai pemahaman yang sama berkenaan dengan persoalan definisi sokongan yang dikemukakan oleh pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga turut meneroka sejauh mana pengetahuan pelajar berkenaan dengan sokongan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai kurang pengetahuan terhadap sokongan yang sedia ada di fakulti. Hal ini menyebabkan pelajar B40 ini keciciran dalam menerima sokongan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka. Sungguhpun terdapat informan yang menyatakan beliau tahu berkenaan sokongan ini, pengkaji dapati pengetahuannya adalah terbatas dek kerana beliau hanya menerima sokongan dan bantuan yang beliau ketahui sahaja sedangkan terdapat lambakan sokongan dan bantuan yang diperuntukkan kepadanya khususnya pelajar golongan B40 ini. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa terdapat jurang informasi berkenaan dengan sokongan-sokongan yang disediakan oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan berlaku antara pelajar B40 fakulti ini sendiri.

Sebelum pengkaji menjalankan temu bual bersama informan yang terdiri daripada kalangan pelajar B40 fakulti ini, pengkaji telah mendapatkan data daripada pihak pengurusan fakulti berkenaan dengan sokongan-sokongan yang pihak fakulti sediakan. Didapati bahawa, terdapat banyak sokongan dan bantuan yang pihak fakulti sediakan. Antaranya adalah dari segi bantuan makanan seperti ‘Breakfast on the Go’ yang dilaksanakan pada hari Jumaat, ‘FoodSiswa’ yang dijalankan untuk menyediakan makanan tengah hari kepada pelajar B40 namun terhad kepada 120 orang yang terpilih sahaja disebabkan kekangan kewangan. Selain

itu, pihak fakulti juga ada menyediakan ‘Food Bank’ kepada sesiapa yang berkeperluan dan terdapat juga ‘Bakul Kasih’ yang disediakan kepada pelajar B40 FSSK yang menetap di luar kampus sekali sahaja untuk setiap semester. Di samping itu, pihak fakulti juga turut menyediakan ‘Derma Siswa’ yang diberikan kepada 5 orang pelajar terpilih di mana mereka akan mendapat RM 500 setiap orang. Namun, hasil daripada dapatan kajian ini, pihak fakulti menyatakan bahawa apabila sokongan ‘Derma Siswa’ ini diwar-warkan tiada pelajar B40 yang mengambil peluang ini. Berbeza dengan dapatan kajian yang dijalankan melalui sesi temu bual bersama pelajar B40 mereka tidak mengetahui berkenaan dengan sokongan dan bantuan ini. Di samping itu, pihak fakulti juga turut menyediakan juadah makan berbuka puasa setiap hari kepada pelajar dalam anggaran 200-300 paket pada tahun 2023.

Rentetan daripada itu, kajian ini mencadangkan untuk melaksanakan program penjanaan pendapatan kepada pelajar golongan B40 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti para pelajar B40 bagi memastikan mereka mampu menjana pendapatan sendiri tanpa perlu mengharapkan sokongan dan bantuan yang disediakan sahaja. Menurut Latifah (2020), Program Penjanaan Mahasiswa dapat memastikan pembentukan ekosistem keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi lebih menyeluruh, kondusif dan lestari. Salah satu teras di bawah program ini ialah latihan menyasarkan penubuhan syarikat pemula dan graduan berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan disediakan agensi pembiayaan diiktiraf. Program Penjanaan Pendapatan ini boleh dilaksanakan dengan menghubungkan fakulti dengan mana-mana agensi atau syarikat yang menyediakan pekerjaan untuk membantu pelajar yang masih menuntut di institusi pengajian secara separuh masa. Dengan adanya program ini di fakulti, pelajar B40 boleh menjana pendapatan secara fleksibel sesuai dengan peranan mereka sebagai seorang mahasiswa berbanding membuat kerja sambilan di luar kampus.

Seterusnya, kajian ini juga mencadangkan kepada pihak fakulti untuk melaksanakan pengenalan terhadap sokongan dan bantuan yang disediakan di fakulti pada setiap kali kemasukan pelajar baharu di fakulti ini. Hal ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar Tahun 1 yang baru sahaja menjadi warga FSSK berkenaan dengan sokongan yang sedia ada di fakulti. Inisiatif ini bukan sahaja dapat menyampaikan informasi berkenaan dengan sokongan dan bantuan yang ada malah keciciran pelajar B40 dalam menerima bantuan yang disediakan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan ini juga dapat dielakkan. Selain itu, pihak fakulti juga perlu mewar-warkan maklumat berkenaan sokongan yang disediakan pada setiap semester. Situasi ini dapat memastikan pelajar akan lebih cakna terhadap sokongan-sokongan yang ada di fakulti ini. Justeru itu, cadang-cadangan ini sewajarnya dilaksanakan oleh pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian untuk menangani kecenderungan yang berlaku di fakulti tersebut agar kesejahteraan pelajar B40 terjaga.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Sukari, A., Abd Shakor, M. F., Shamsuddin, S. S. S., & Yusof, Z. A. M. (2023). Analisis Literatur Sistematik Terhadap Penentuan Agihan Bantuan Kemiskinan Kepada Golongan B40 di Malaysia: Systematic Literature Analysis on The Determination of The Distribution of Poverty Aid to The B40 Group in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 70-86.
- Asmahanim Amir. (2022). UKM Terima 4,166 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2022/2023. *Berita Kampus Pelajar*, 30 Oktober.
- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2).
- Bernama. (2020). Penduduk Malaysia Meningkat kepada 32.73 Juta Orang pada Suku

- Pertama 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-malaysia-meningkat-kepada-3273-juta-orang-pada-suku-pertama-2020-242661> [30 Oktober 2023].
- Bernama. (2022). Kerajaan semak semula kategori kumpulan pendapatan – Mustapa. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-semak-semula-kategori-kumpulan-pendapatan-mustapa-383925> [30 Oktober 2023].
- Frank Meol. (2021). Koperasi Memperkasakan Sosioekonomi Kumpulan B40. *Dimensikoop*, 31 Oktober: 33.
- Gopal, P. S., Tamizi, N. E. A., Shaed, M. M., Malek, N. M., & Yahaya, M. H. (2021). Kesejahteraan dalam Pembangunan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 292-302.
- Harmadi, S. H. B. (2008). Pengantar Demografi. *Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia*. Jakarta.
- Hasliza Mohamed. (2012). Penglibatan Pelajar dalam Pembelajaran Koperatif di Sekolah Menengah Vokasional. *UTHM Institutional Repository*.
- Hazlan, N. H., Rhaman, M. A., & Alavi, K. (2019). Meneroka cabaran perantis kerja sosial gerontologi dalam memberi perkhidmatan penjagaan pesakit warga emas kronik: Kajian kes di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-9.
- Ibrahim, F., Hassan, N., & Salim, W. W. A. (2018). Mengukur tahap ketahanan diri mahasiswa B40 dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(1).
- Iskandar Ibrahim. (2023). Lebih 460,000 Pelajar B40 Ikuti Pengajian di IPT. *Berita Harian*, 31 Oktober.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). (2022). Program SULUNG Bantu Generasi Pertama Keluarga B40 Lanjut Pengajian Ke Menara Gading. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/program-sulung-bantu-generasi-pertama-keluarga-b40-lanjut-pengajian-ke-menara-gading> [31 Oktober 2023].
- Mahpis, Nur Shyahirah, and Noremy Md Akhir. (2020). "Hubungan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan pelajar." *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 2 (2020): 1-10.
- Rahhim, N. A., & Saim, N. J. (2022). Kajian Terhadap Mahasiswa B40 di Universiti Kebangsaan Malaysia: Tahap Tekanan dan Pengaruhnya Terhadap Prestasi Akademik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-16.
- Sulaiman, M. F. B. (2022). Isu Perbelanjaan dalam Kehidupan Pelajar B40 dan Kecenderungan Pelajar untuk Terlibat dalam Keusahawanan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 67-74.
- Tarip, M. H. D. M., Said, M. M., Ramli, R. M., Amir, M. H., Azizi, N. A., Subramaniyam, U., ... & Fakhruddin, F. M. (2021). IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP GOLONGAN B40. *e-BANGI*, 18(8), 54-65.
- Zainuddin, N. F. B., & Kutty, F. M. (2022). Hubungan motivasi diri dan sokongan sosial terhadap kesejahteraan psikologi pelajar universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001308-e001308.